

**FAQ LYNAS (Kemaskini pada 8 Ogos 2012)**

| <b>Bil</b> | <b>Soalan</b>   | <b>Jawapan</b>  |
|------------|---|---|
| 1.         | Lynas memaklumkan telah mengemukakan cadangan bagi memenuhi dua syarat tambahan oleh YB Menteri dan kini sedang menunggu pengeluaran Lesen Pengendalian Sementara (TOL) – bilakah lesen tersebut akan dikeluarkan dan perkara apakah yang melewatkannya proses pengeluaran TOL? | Ya, AELB telah menerima dokumen berkaitan dua (2) syarat tambahan yang diperintahkan oleh YB Menteri. Pada masa ini, dokumen tersebut sedang diteliti untuk menilai samada Lynas memenuhi syarat-syarat baru ini.                               |
| 2.         | Apakah pelan spesifik yang diberikan oleh Lynas kepada AELB dalam cadangan terkini mereka mengenai kaedah pengurusan sisa radiaoaktif dan aras bahaya debu di udara?  | Lynas adalah pihak yang wajar diajukan soalan ini.  |
| 3.         | Apakah keadaan yang akan memaksa pemulangan sisa ke sumber asal? Apakah kebarangkalian perkara ini berlaku?   | Pemulangan residu ke sumber asal telah dinyatakan dalam syarat lesen dan akan dikenakan, jika dan bila bersesuaian. Lynas telah mengemukakan surat jaminan kepada AELB untuk memenuhi syarat lesen.   |
| 4.         | Apakah alasan di sebalik tempoh 10 bulan bagi Lynas mencari Kemudahan Pelupusan Tetap (PDF) yang bersesuaian?   | Tempoh 10 bulan adalah untuk mengikat Lynas agar mengemukakan hasil penyelidikan (R&D) berkaitan hasil kitar semula residu WLP dengan kadar segera. Jika tidak, Lynas perlu mengemukakan pelan dan lokasi bagi Kemudahan Pelupusan Tetap (PDF). |
| 5          | Lynas telah mengemukakan pelan bagi memenuhi dua (2) syarat tambahan bagi membolehkan TOL dikeluarkan. LAMP akan menyumbang kepada Malaysia secara selamat dan lestari. Adakah AELB telah membuat   | Ya, AELB telah menerima dokumen berkaitan dua (2) syarat tambahan yang diperintahkan oleh YB Menteri. Pada masa ini, dokumen tersebut sedang diteliti untuk menilai samada Lynas memenuhi syarat-syarat baru ini.                               |

|   |   |   |
|---|---|---|
|   | keputusan dalam hal ini? Jika AELB bersetuju dengan kedua-dua syarat tambahan, dinyatakan bahawa MOSTI akan mengeluarkan TOL secara rasmi kepada Lynas bagi membolehkan mereka memulakan operasi di Malaysia? | Belum (lihat jawapan di atas). Di bawah Akta 304, pihak berkuasa untuk mengeluarkan lesen adalah AELB dan bukannya MOSTI.   |
| 6 | Bilakah TOL akan dikeluarkan kepada Lynas?  | Penilaian dan pengesahan maklumat yang dikemukakan oleh Lynas berkaitan dengan dua syarat khas yang diperintahkan oleh YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) masih berjalan. TOL akan dikeluarkan setelah proses penilaian dan pengesahan selesai dan apabila Lynas memenuhi semua syarat lesen yang dikenakan. |
| 7 | Bilakah sesi taklimat media AELB yang akan datang?  | Sesi taklimat media AELB akan dijadualkan sebaik sahaja terdapat maklumat terkini berkaitan Lynas.  |